

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN TERESA KOK SUH SIM
[SEPUTEH]**

TARIKH : 19 OKTOBER 2015 (ISNIN)

SOALAN :

YB Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa buah rumah yang telah dibuat oleh Kerajaan Persekutuan bagi mangsa banjir di Kelantan setakat 15 Oktober 2015. Sila nyatakan kawasan rumah baru dibuat dan perbelanjaan yang digunakan oleh Kerajaan untuk pembinaan rumah di Kelantan.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di-Pertua,

Di negeri Kelantan, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Kelantan telah mengenal pasti 1,827 unit Rumah Kekal Baharu (RKB) yang perlu dibina untuk mangsa-mangsa banjir. Dari jumlah tersebut, Kerajaan Persekutuan akan membina 1,255 unit RKB manakala Kerajaan Negeri Kelantan akan membina 572 unit.

Sehingga 7 Oktober 2015, sebanyak 127 unit RKB yang dibina oleh Kerajaan Persekutuan telah siap dan diserahkan kepada mangsa-mangsa banjir yang layak. Kos pembinaan untuk setiap unit rumah adalah RM55,000.00 tidak termasuk kos perolehan tanah dan kerja-kerja infrastruktur. Pada masa yang sama, sebanyak 302 unit sedang dalam peringkat pembinaan dan 61 unit lagi dalam peringkat pra-bina.

Selain itu, 754 unit rumah lagi akan dimulakan pembinaannya pada minggu ini dan dijangka siap pada bulan Januari 2016. Kelewatan memulakan pembinaan adalah disebabkan pengambilan tanah persendirian untuk pembinaan RKB berkelompok baru diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan pada 14 Oktober 2015. Selain itu, kelulusan menggunakan tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan juga baru diperolehi. Pembinaan RKB tersebut sedang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) di Jajahan Gua Musang, Kuala Krai, Machang dan Pasir Mas.

Sekian. Terima kasih.